



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun

SYAIR PERANG PALEMBANG DARI SUDUT ANALISIS WACANA MEGA

RADEN MUHAMMAD ALI MASRI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH DOKTOR FALSAFAH (PENGAJIAN WACANA)

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2017



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
v

ABSTRAK

Penyelidikan ini memfokuskan teks *Syair Perang Palembang* daripada koleksi Kemas Andi Syarifuddin. Syair ini merakamkan perjuangan rakyat Palembang dalam beberapa siri peperangan melawan penjajah Belanda pada tahun 1819. Tiga objektif utama ialah mengenal pasti amalan diskursif, membincangkan fitur kebahasaan, motif amalan sosial dan amalan agama yang terdapat dalam teks tersebut. Pendekatan kualitatif dimplimentasi dalam kajian ini, manakala data primer dan sekunder dipungut menerusi kajian kepustakaan. Sejumlah 259 rangkap *Syair Perang Palembang* yang mengandungi 1,036 bait syair telah dianalisis berpandukan Model Wacana Mega oleh Sanat Md. Nasir yang disintesis daripada konsep wacana kritis Norman Fairclough dan Ruth Wodak tetapi diperkasakan dengan prinsip-prinsip dalam al-Quran, hadith serta nilai Melayu. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa *Syair Perang Palembang* mengandungi amalan diskursif menerusi interpretasi tokoh dan ketokohan, manakala fitur kebahasaan dinyatakan menerusi tautan perulangan, tautan kolokasi serta tautan penghubung ayat. Dari segi motif sosial, terdapat nilai ekspresif, eksperensial dan relasional, manakala motif agama yang berkait dengan ajaran Islam dinyatakan atas dasar tauhid, syariat dan dakwah. Kekuatan syair ini juga terletak pada ketepatan penggunaan diksi, elemen budaya dan pewarnaan setempat termasuk aspek skema, majaz, representatif, ekspresif, direktif, komisif dan deklaratif. Menerusi syair, semangat jihad berjaya disuburkan dalam perjuangan rakyat Palembang menentang penjajah Belanda. Implikasi kajian menunjukkan syair Melayu harus dilihat dalam konteks yang lebih luas. Genre ini tidak seharusnya terhad sebagai warisan tradisi bagi tujuan kesusastraan semata-mata, tetapi haruslah diberi peranan baharu dalam memperkasa semangat patriotik bangsa Melayu, khususnya dalam menghadapi cabaran globalisasi.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



PALEMBANG WAR POEM FROM THE MEGA DISCOURSE ANALYSIS PERSPECTIVE

ABSTRACT

The study focuses on the Palembang War poem of Kemas Andi Syarifuddin's collection. This poem is about the struggling of Palembang people in several series of wars against the Dutch colonial in 1819. The objectives are to identify the discursive practices and discuss the features of the language, social and religious practices contained in the text. The qualitative approach was employed in this study, while the primary and secondary data were collected through library research. A total of 259 stanza's of Palembang War Poetry containing 1,036 lines have been analyzed by using the Mega Discourse Analysis synthesized from the concept of critical discourse by Sanat Md. Nasir, Norman Fairclough, and Ruth Wodak, with additional values of the Malays and Islamic values. The results of the study indicated that the Palembang War poem contained the discursive practices continuing the interpretation of figure and personage, when the language features are expressed through the repetition links, and collocation. In terms of social motives, there are expressive, experiential and relational values, while the religious motives related to the teachings of Islam were declared on the basis of *tauhid*, the *shari'a* and *dakwah*. This poem strengths were in the precision of the use of diction, the local cultural elements and color schemes including schemes, figurative language, representation, expression, direction, commission and declaration. Through the poetry the Jihad spirit has been prevailed among the Palembang people struggling against the Dutch colonialization. The implications of the study showed that Malay poem should be seen in a wider context. This genre is not supposed to be restricteded as a heritage for purely literary purposes, but must be given a new role in support of Malay people, especially in facing the challenges of globalization.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
vii

KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xviii
SENARAI SINGKATAN	xix
SENARAI LAMPIRAN	xxii
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Permasalahan Kajian	14
1.4 Objektif Kajian	17
1.5 Soalan Kajian	17
1.6 Batasan Kajian	18
1.7 Kepentingan Kajian	19
1.8 Definisi Operasional	20
1.8.1 Syair	20



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
vii



1.8.2	Analisis Wacana	20
1.8.3	Analisis Wacana Kritis	21
1.8.4	Analisis Wacana Mega	21
1.9	Rumusan	22

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	23
2.2	Bahasa,Teks dan Konteks	24
2.3	Makna Teks dan Wacana	36
2.4	Linguistik Kritis Sebagai Asas Analisis Wacana Kritis	37
2.5	Telaah Analisis Wacana Kritis	42
2.5.1	Prinsip-Prinsip Analisis Wacana Kritis	47
2.5.2	Model Analisis Wacana Kritis	49
2.5.2.1	KModel AWK Fairclough	49
2.5.2.2	Model AWK Wodak	56
2.5.2.3	Model Analisis Wacana Mega	59
2.6	Kerangka Konsepsual Model Analisis Wacana Mega	67
2.7	Sorotan Kajian Berkaitan Analisis Wacana Kritis	68
2.8	Rumusan	89



BAB 3 METODOLOGI PENYELIDIKAN

3.1	Pengenalan	90
3.2	Reka Bentuk Kajian	91
3.2.1	Penyelidikan Kualitatif	91
3.2.2	Paradigma Kajian Teks dan Wacana	92
3.3	Data Korpus	94





3.4	Kerangka Kajian	95
3.5	Instrumen Kajian	96
3.5.1	Teks Syair Perang Palembang	96
3.5.2	Temu Bual	97
3.6	Reka Bentuk Analisis Data	99
3.6.1	Pengekodan	100
3.6.2	Kerangka Analisis Data	101
3.6.2.1	Kerangka Analisis Amalan Diskursif	102
3.6.2.2	Kerangka Analisis Fitur Kebahasaan	107
3.6.2.3	Kerangka Analisis Amalan Sosial dan Amalan Agama	114
3.6	Rumusan	118

BAB 4 ANALISIS AMALAN DISKURSIF



4.1	Pengenalan	119
4.2	Analisis Penghasilan Teks	120
4.2.1	Latar Belakang Sejarah Perang Palembang Melawan Belanda 1819	121
4.2.2	Tradisi Kepengarangan Melayu	125
4.2.3	Corak Penulisan Teks Melayu Semasa	127
4.2.4	Penulis dan Penghasilan Teks Syair Perang Palembang	130
4.2.4.1	Bahasa Melayu	130
4.2.4.2	Genre Syair	133
4.3	Intrepretasi Amalan Diskursif ke Atas Teks Syair Perang Palembang	135
4.3.1	Penulis Teks dan Rahsia Penyebab Perang	137





4.3.2	Penghasilan Identiti	141
4.3.3	Tokoh dan Ketokohan dalam Teks Syair Perang	
	Palembang	144
4.3.4	Penggambaran Peristiwa Perang dalam Teks Syair Perang Palembang	147
4.3.5	Pewarnaan Setempat	150
	4.3.5.1 Nama-nama Lokasi	150
	4.3.5.2 Unsur-unsur Tradisi	152
	4.3.5.3 Unsur-unsur Dialek	154
4.3.6	Perlawaan Terhadap Kolonialisme dalam Bentuk Teks	155
4.4	Rumusan	158

BAB 5 ANALISIS FITUR KEBAHASAAN



5.2	Analisis Tautan Teks Syair Perang Palembang	161
5.2.1	Analisis Tautan Perulangan	162
	5.2.1.1 Tautan Perulangan Rujukan	163
	5.2.1.2 Tautan Perulangan Penggantian	173
	5.2.1.3 Tautan Perulangan Elipsis	176
	5.2.1.4 Tautan Perulangan Ayat Lesikal	180
	5.2.1.5 Tautan Perulangan Ayat Paralelisme	187
5.2.2	Analisis Tautan Kolokasi	189
	5.2.2.1 Tautan Kolokasi Antoniman	190
	5.2.2.2 Tautan Kolokasi Kohiponiman	192
	5.2.2.3 Tautan Kolokasi Hasil	194





5.2.2.4	Tautan Kolokasi Sifat	196
5.2.3	Analisis Tautan Penghubung Ayat	198
5.2.3.1	Tautan Penghubung Ayat Tambahan	199
5.2.3.2	Tautan Penghubung Ayat Tentangan	204
5.2.3.3	Tautan Penghubung Ayat Sebab-Musabab	207
5.2.3.4	Tautan Penghubung Ayat Penghubung Waktu	211
5.2.3.5	Tautan Penghubung Ayat Terusan	217
5.3	Analisis Leksikal Teks Syair Perang Palembang	220
5.3.1	Diksi Alam	222
5.3.2	Diksi Lokasi	226
5.3.3	Diksi Tumbuhan	228
5.3.4	Diksi Binatang	230
5.3.5	Diksi Budaya	232
5.3.6	Diksi Panggilan	236
5.3.7	Diksi Seranah	239
5.3.8	Diksi Pinjaman	240
5.3.9	Diksi Konotatif	242
5.4	Analisis Retorik Melayu Teks Syair Perang Palembang	251
5.4.1	Metafora	252
5.4.1.1	Simbolisme	252
5.4.1.2	Peribahasa	269
5.4.2	Skema	270
5.4.2.1	Skema Seimbang	271
5.4.2.2	Skema Perulangan	275





5.4.2.3	Skema Ragaman	278
5.4.2.4	Skema Hiperbaton	283
5.4.3	Majaz	284
5.4.3.1	Majaz Pertautan	285
5.4.3.2	Majaz Perbandingan	290
5.4.3.3	Majaz Pertentangan	294
5.4.3.4	Majaz Pengulangan	298
5.5	Giliran Bertutur dan Jenis Tuturan	300
5.6	Rumusan	311

BAB 6 ANALISIS AMALAN SOSIAL DAN AMALAN AGAMA

6.1	Pengenalan	313
6.2	Amalan Sosial	314
6.2.1	Nilai Ekspresif	314
6.2.2	Nilai Eksperensial	318
6.2.3	Nilai Relasional	324
6.3	Amalan Agama	330
6.3.1	Motif Tauhid	330
6.3.2	Motif Syariat	335
6.3.3	Motif Dakwah	342
6.4	Rumusan	348



BAB 7 RUMUSAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

7.1	Pengenalan	350
7.2	Perbincangan Amalan Diskursif	353
7.3	Perbincangan Fitur Kebahasaan	356





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
xiii

7.4	Perbincangan Amalan Sosial	360
7.5	Perbincangan Amalan Agama	361
7.6	Implikasi Kajian	368
7.7	Cadangan Kajian	369
7.8	Rumusan	370
RUJUKAN		371
LAMPIRAN		384



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
1.1 Senarai Kajian Teks Syair Perang Melayu	13
2.1 Proses Pengumpulan Data dalam AWK Model Fairclough	54
2.2 Model Analisis untuk Metod Historis-Wacana	57
2.3 Teknik Pengumpulan Data pada AWK Model Wodak	58
3.1 Contoh Kod Data dan Borang Data Awal	100
3.2 Analisis Data Amalan Diskursif	106
3.3 Analisis Data Tautan Wacana	109
3.4 Analisis Data Leksikal	110
3.5 Analisis Data Retorik Melayu	112
3.6 Analisis Data Jenis Tindak Tutur	113
3.7 Contoh Olahan Data Analisis Giliran Bertutur dan Jenis Tindak Tutur	114
3.8 Analisis Data Amalan Sosial dan Amalan Agama	116
3.9 Panduan Tambahan Analisis Amalan Sosial	117
4.1 Data Identiti dalam Teks Syair Perang Palembang	142
4.2 Senarai Tokoh Palembang dalam Teks Syair Perang Palembang	144
4.3 Senarai Tokoh Belanda dalam Teks Syair Perang Palembang	146
4.4 Penggambaran Perang Palembang Melawan Belanda dalam Teks Syair Perang Palembang	147
4.5 Data Nama-nama Lokasi dalam Teks Syair Perang Palembang	151





4.6	Data Unsur Dialek dalam Teks Syair Perang Palembang	154
5.1	Data Tautan dalam Teks Syair Perang Palembang	161
5.2	Data Tautan Perulangan	162
5.3	Data Tautan Perulangan Rujukan	163
5.4	Data Tautan Perulangan Penggantian	173
5.5	Data Tautan Perulangan Elipsis	177
5.6	Data Tautan Perulangan Leksikal	181
5.7	Data Tautan Perulangan Paralelisme	187
5.8	Data Tautan Ayat Kolokasi	189
5.9	Data Tautan Kolokasi Antoniman	190
5.10	Data Tautan Kolokasi Kohiponiman	192
5.11	Data Tautan Kolokasi Hasil	194
5.12	Data Tautan Kolokasi Sifat	196
5.13	Data Tautan Penghubung Ayat	198
5.14	Data Tautan Ayat Penghubung Tambahan	199
5.15	Data Tautan Penghubung Ayat Tentangan	204
5.16	Data Tautan Penghubung Ayat Sebab-Musabab	207
5.17	Data Tautan Ayat Penghubung Waktu	211
5.18	Data Tautan Ayat Penghubung Terusan	217
5.19	Data Analisis Makna dan Fungsi Simbolisme Tumbuhan	253
5.20	Data Analisis Makna dan Fungsi Simbolisme Binatang	256
5.21	Data Analisis Makna dan Fungsi Simbolisme Alam dan Cakerawala	259
5.22	Data Analisis Makna dan Fungsi Simbolisme Warna	261
5.23	Data Analisis Makna dan Fungsi Simbolisme Benda	262





5.24	Data Analisis Makna dan Fungsi Simbolisme Sosok/Tokoh	264
5.25	Data Analisis Peribahasa	268
5.26	Data Giliran Bertutur dan Jenis Tindak Tutur Partisipan	301
5.27	Data Kekerapan Penggunaan Jenis Tindak Tutur Partisipan	302
5.28	Data Perbandingan Giliran Bertutur Partisipan dalam Rangkap Syair	304
5.29	Data Kekerapan Giliran Bertutur dan Jenis Tindak Tutur	306
5.30	Contoh Giliran Bertutur dan Analisis Tindak Tutur	308
5.31	Data Perbandingan Giliran Bertutur Penulis dan Partisipan	309
6.1	Data Nilai Ekspresif Kata Negatif (1)	315
6.2	Data Nilai Ekspresif Kata Negatif (2)	316
6.3	Data Nilai Ekspresif Kata Positif (1)	316
6.4	Data Nilai Ekspresif Kata Positif (2)	317
6.5	Data Nilai Ekspresif Kata Positif (3)	318
6.6	Data Nilai Eksperensial Berasas Aspek Pengetahuan (1)	319
6.7	Data Nilai Eksperensial Berasas Aspek Pengetahuan (2)	320
6.8	Data Nilai Eksperensial Berasas Aspek Kepercayaan	321
6.9	Data Nilai Eksperensial Berasas Aspek Pengetahuan dan Kepercayaan (1)	321
6.10	Data Nilai Eksperensial Berasas Aspek Pengetahuan dan Kepercayaan (2)	322
6.11	Data Nilai Eksperensial Berasas Aspek Pengetahuan dan Kepercayaan (3)	323
6.12	Data Nilai Eksperensial Berasas Aspek Pengetahuan dan Kepercayaan (4)	323
6.13	Data Nilai Relasional (1)	325
6.14	Data Nilai Relasional (2)	328





6.15	Data Nilai Relasional (3)	329
6.16	Data Amalan Agama Motif Tauhid (1)	331
6.17	Data Amalan Agama Motif Tauhid (2)	333
6.18	Data Amalan Agama Motif Tauhid (3)	334
6.19	Data Amalan Agama Motif Syariat (1)	336
6.20	Data Amalan Agama Motif Syariat (2)	337
6.21	Data Amalan Agama Motif Syariat (3)	338
6.22	Data Amalan Agama Motif Syariat (4)	339
6.23	Data Amalan Agama Motif Syariat (5)	340
6.24	Data Amalan Agama Motif Syariat (6)	341
6.25	Data Amalan Agama Motif Dakwah (1)	343
6.26	Data Amalan Agama Motif Dakwah (2)	344
6.27	Data Amalan Agama Motif Dakwah (3)	345
6.28	Data Amalan Agama Motif Dakwah (4)	346
6.29	Data Amalan Agama Motif Dakwah (5)	347





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Xviii

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
2.1 Hubungan antara Teks dan Konteks Situasi	31
2.2 Analisis Wacana Kritis dan Bidang Ilmu	42
2.3 Wacana sebagai Teks, Interaksi dan Konteks	50
2.4 Model AWK Ruth Wodak	56
2.5 Model Konsepsi Empat Dimensi Wacana Mega	60
2.6 Parameter Bagi Konteks Situasi	65
2.7 Kerangka Model Analisis Wacana Mega	67
3.1 Kerangka Konsepsual Kajian	95
3.2 Prosedur Interpretasi dalam Analisis Wacana Kritis	103



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
xiX

SENARAI SINGKATAN

AWK	Analisis Wacana Kritis
AWM	Analisis Wacana Mega
MR	<i>Members Resources</i>
MTP	Metode Tautan Perulangan
TP	Tautan Perulangan
TPR	Tautan Perulangan Rujukan
TPP	Tautan Perulangan Penggantian
TPL	Tautan Perulangan Leksikal
TPE	Tautan Perulangan Elipsis



05-4506832



TPI pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

TPF	Tautan Perulangan Parafrasa
TPS	Tautan Perulangan Struktur dan Makna Sama
TK	Tautan Kolokasi
TKA	Tautan Kolokasi Keantoniman
TKK	Tautan Kolokasi Kohiponiman
TKH	Tautan Kolokasi Hasil
TKS	Tautan Kolokasi Sifat
PA	Tautan Penghubung Ayat
PATB	Tautan Penghubung Ayat Tambahan
PATG	Tautan Penghubung Ayat Tentangan
PAS	Tautan Penghubung Ayat Sebab-Musabab
PAW	Tautan Penghubung Ayat Waktu



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
XX

PAT Tautan Penghubung Ayat Terusan

P0 Penulis

P1 Orang Di atas Kota

P2 Sultan Palembang

P3 Haji

P4 Khatib Muhammad Saleh

P5 Pangeran Puspa Wijaya

P6 Pangeran Wira Sentika

P7 Haji Abdurrahman

P8 Haji Mas'ud

P9 Kolonel Bakker

P10 Idelir Menteng



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

P11 Opsir upsi.edu.my

P12 Pangeran Krama Diraja

P13 Pangeran Muhammad

P14 Tumenggung Astra Wijaya

P15 Pangeran Nata Agama

P16 Pangeran Bupati

P17 Pangeran Raja Utama (Pangeran Ratu)

P18 Si Gangsa

P19 Orang Sungsang



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi
xxi

SENARAI LAMPIRAN

- A Teks Jawi Syair Perang Palembang
- B Transliterasi Teks Rumi Syair Perang Palembang
- C Pemilik Naskhah Syair Perang Palembang
- D Gambar-gambar Berkaitan dengan Perang Palembang dan Kesultanan Palembang Darussalam



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan latar belakang kajian berpandukan kenyataan bahawa bahasa Melayu sebagai bahagian daripada bahasa-bahasa yang ada di dunia ini mempunyai



05-4506832



Perpustakaan Tuanku Bainun

Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



membentuk wacana,



baik

sistem yang bertautan mulai dari pertuturan bunyi sehingga secara lisan mahupun tulisan. Melalui bahasa, bangsa Melayu mampu menuangkan idea yang ada dalam fikirannya dalam bentuk teks, salah satunya adalah “Syair Perang Palembang” (SPP) dua abad lampau. Sebagai artifak kebudayaan dari masa lampau, teks SPP menyimpan banyak hal ehwal berkenaan dengan bahasa dan sosiobudaya masyarakat Melayu pada masanya, selain merakamkan peristiwa perang Palembang melawan Belanda tahun 1819. Di sisi lain, upaya kajian ke atas teks SPP ini bukanlah perkara mudah, kerana perlu beberapa alasan dan pertimbangan, sama ada kerangka konseptual kajian yang benar-benar memberi sokongan ke atas upaya kajian, selain harus dapat dipertanggungjawabkan secara ilmiah dalam ranah keilmuan.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



1.2 Latar Belakang Kajian

Bahasa merupakan aset manusia yang paling berharga dalam mengekalkan sisi kemanusiaannya. Melalui bahasa, segala bentuk peradaban dan ilmu pengetahuan itu disampaikan daripada satu generasi ke satu generasi berikutnya. Pada zaman di mana bentuk-bentuk bahasa tertulis belum dikuasai oleh masyarakat di Nusantara, segala bentuk pengetahuan, etika, perundangan, pemikiran atau kebijaksanaan, petua dan sebagainya disampaikan secara lisan daripada satu generasi ke satu generasi. Pemindahan pelbagai konsep kebudayaan dan peradaban ini dilakukan menerusi pembentukan dan penggunaan pelbagai bentuk peribahasa, pepatah, simpulan bahasa dan sebagainya (Hamilton, 1987, ms. vi; Zulkifley Hamid, 2006, ms. 14-15).



asasnya tidak sahaja terdiri daripada rumus-rumus formal, tetapi bahasa juga dapat merangkumi pelbagai jenis pengetahuan lain yang juga merangkumi keseluruhan aspek kehidupan manusia.

Selari dengan pandangan di atas, Asmah Hj. Omar (1988, ms. 8) pun mengatakan bahawa perkataan itu bukan semata-mata bertugas untuk menamakan benda seperti halnya dengan bahasa kanak-kanak, tetapi juga untuk mengarahkan dan membentuk penglihatan dunia kita, menimbulkan emosi atau tindak balas terhadap sesuatu. Orang Melayu melihat dunia dengan cara dan sikap yang berbeza dari orang lain, kerana bahasa Melayu memiliki unsur-unsur dan sistem-sistem yang berbeza dari yang lain.





Dalam kaitan ini dapatlah diperhatikan pandangan Sapir-Whorf yang dirangkum Claire Kramsch (2008, ms. 14) bahawa terdapat hubungan yang kuat antara bahasa, budaya, dan fikiran seorang penutur dalam proses berbahasa. Dengan perkataan lain bahasa bukan hanya menentukan corak budaya, tetapi juga menentukan cara dan jalan fikiran manusia, dan oleh kerana itu, mempengaruhi pula tindak lakunya. Satu bangsa yang berbeza bahasanya daripada bangsa yang lain, akan mempunyai corak budaya dan jalan pikiran yang berbeza pula.

Bahasa yang menjadi wahana komunikasi pada sesebuah kelompok masyarakat, menurut Zulkifley Hamid (2006, ms. 16) dapat mempengaruhi cara para penggunanya menafsirkan pelbagai fenomena, sama ada fenomena zahir atau batin yang mereka hadapi dalam kehidupan harian. Dengan demikian, kita boleh membuat



andaian bahawa cara orang Melayu berfikir atau mentafsirkan pelbagai fenomena akan dipengaruhi pula pada tahap-tahap tertentu oleh bahasa Melayu, iaitu bahasa ibunda yang menjadi wadah penyampai dan penerima maklumat. Ia juga menukilkan dari pandangan Syed Muhammad Naquib (1990, ms. 39) yang intinya menyatakan bahawa sifat sesuatu bahasa itu merupakan rencana pandangan terhadap alam semesta, yang masing-masing mentafsirkan hakikat pengalaman dan keadaan sekeliling menerusi tapisan bahasa itu. Dengan begitu, rencana bahasa itu seakan-akan tabir nipis beraneka warna yang senantiasa berada di hadapan wajah si pemandang alam, baik pun yang dipandangnya itu alam luar maupun alam batin.

Daripada pernyataan di atas dapatlah difahamkan bahawa bahasa dapat mencerminkan bentuk kehidupan yang dijalani oleh para penuturnya. Oleh itu, antara cara yang paling mudah untuk memahami corak kehidupan orang Melayu adalah





dengan mengkaji khazanah bahasanya, iaitu bahasa Melayu, sama ada khazanah lisan atau tulisan.

Dalam pada itu, Azhar M. Simin (1993, ms. 11) memandangkan bahawa pengajian Melayu menghendaki pengkaji harus terlibat langsung dalam kehidupan masyarakat Melayu. Dengan cara seperti ini seseorang pengkaji dapat memahami cara orang Melayu menjalankan wawasannya serta memahami ruang lingkup keghairahannya. Oleh itu, tidak seorang pun dapat meramal akan ruang lingkup akal-budi orang Melayu tanpa mengetahui pantunnya yang menjadi pengungkap cumbuan bersajak dan cercaan bagi bangsanya.

Peraturan penyusunan kata-kata dalam mewujudkan satu-satu proposisi itu kita



dikaitkan dengan proposisi yang lain, dan seterusnya. Keseluruhan yang ditimbulkan oleh perkaitan antara proposisi itu disebut wacana (*discourse*). Sesuatu wacana itu boleh dilahirkan oleh satu orang sahaja dalam bentuk ujaran (ucapan) atau tulisan. Misalnya, karangan merupakan satu wacana bertulis kerana di dalamnya terdapat proposisi-proposisi yang kait-mengait, yang merupakan satu kesatuan. Sesuatu pidato atau ceramah juga merupakan wacana, tetapi wacana ini adalah wacana ujaran. Perbualan, temuduga, temubual, dan sebagainya itu merupakan wacana antara individu, atau interaksi. Tiap-tiap wacana itu mempunyai bentuk dan gaya yang tersendiri (Asmah Hj. Omar, 1988, ms. 29).

Pandangan Asmah Hj. Omar ini tentunya menunjukkan bahawa bahasa Melayu secara tegas mempunyai fungsi, yang menurut Halliday (1985, ms. 40) secara





makro bahasa memiliki 3 (tiga) fungsi utama, iaitu: (1) fungsi ideasional untuk membentuk, mempertahankan, dan memperjelas hubungan antara anggota masyarakat; (2) fungsi interpersonal untuk menyampaikan informasi antara anggota masyarakat; dan (3) fungsi textual untuk menyediakan kerangka, pengorganisasian wacana (*discourse*) yang relevan dengan situasi.

Berpijak pada pandangan dalam perenggan-perenggan di atas dapat disimpulkan bahawa bahasa Melayu dapat memberikan gambaran secara jelas tentang pemikiran, budaya, dan corak kehidupan yang dijalani oleh orang Melayu, baik lisan maupun tulis (teks) yang memenuhi tiga fungsi utama bahasa.

Fungsi bahasa Melayu seperti dikemukakan di atas juga terakam dalam produk



perkembangan bahasa dan sastera Melayu pada peringkat permulaan memperlihatkan daya kreativiti yang asli dan *simple*. Kedatangan pengaruh Hindu-Budha-Hindu terutamanya membawa falsafah inkarnasi—penjelmaan. Dengannya, gambaran tentang alam, insan lari dari realiti kepada fantasi dongeng dan bertentangan dengan logika serta rasional, sebaliknya ia lebih bersifat estetika. Hal ini amat mempengaruhi falsafah pemikiran Melayu yang terikut-ikut dengan gambaran alam dongeng dan watak manusia sakti dan bersifat kayangan. Ia bertentangan dengan logik akal dan rasional, tetapi sesuai diterapkan pada perasaan dan estetika semata.

Menurut Shafie Abu Bakar, manakala Islam membawa keyakinan tentang alam nyata dan metafizik berfalsafah tauhid, ia bersifat pengisian dalaman dan luaran; menekankan keyakinan hari depan dan kekinian yang berkait rapat di antara





keduanya. Ia memupuk pandangan nilai, keyakinan, keilmuan, tujuan mempengaruhi setiap aspek kehidupan masyarakat Melayu, khususnya di dalam etimologi bahasa dan sasteranya. Oleh kerana Islam memulakan tradisi penulisan dalam bahasa Melayu dan warisan tinggalan penulisan adalah banyak, kajian-kajian terhadap hasil-hasil tinggalan ini perlu dilakukan untuk menimbulkan kesedaran terhadap sumbangannya yang gemilang ini sebagai memperkuuhkan tradisi dan asas bagi persinambungan selanjutnya.

Zahrah Ibrahim (1986, ms. v-xi) mengatakan bahawa salah satu corak kesusasteraan Melayu lama yang mempunyai sifat-sifat tempatan dari segi isinya ialah hasil-hasil kesusasteraan yang bercorak sejarah. Hasil-hasil penulisan sastera Melayu lama yang bersifat demikian sering digolongkan oleh para sarjana sastera Melayu



sebagai sastera sejarah. Secara am karya-karya sastera sejarah ini menceritakan kisah kegemilangan Negara-negara Melayu Lama. Walaupun karya-karya sastera sejarah ini ditulis dalam bentuk sastera, tetapi cerita di dalamnya juga mengandungi fakta-fakta sejarah terutama dari segi nama pelaku, latar tempat dan latar masa. Ia mengisahkan kejadian-kejadian yang berlaku pada zaman dahulu atau mengisahkan jurai keturunan raja-raja dalam sebuah negeri. Sastera sejarah juga menggambarkan kebudayaan dan struktur masyarakat lama, satu golongan masyarakat yang mempunyai perasaan, sikap, kepercayaan, dan cita-cita sesuai dengan kehendak sezaman. Perkara yang sering ditegaskan dalam sastera sejarah ialah orang Melayu pantang derhaka. Hasil-hasil penulisan sastera sejarah ini mempunyai tujuan dan ciri-cirinya yang tertentu, iaitu:

- (1) hasil-hasil ini merupakan usaha pengarang bagi meninggikan kedudukan raja-raja dengan menghiasi watak-watak mereka dengan unsur-unsur keghaiban.

